

PSP dinobatkan politeknik usahawan terbaik

PERMATANG PAUH - Politeknik Seberang Perai (PSP) sekali lagi melakar kejayaan tersendiri apabila dinobatkan sebagai politeknik usahawan terbaik kategori politeknik sempena Majlis Anugerah Keusahawanan Kementerian Pengajian Tinggi Mohe Entrepreneurial Award 2015.

Pengarahnya, Zulkifli Ariffin berkata, penganugerahan itu diberikan selepas kejayaan PSP mendapat merit markah yang tinggi dan memenuhi beberapa kriteria penting yang menjadi syarat utama untuk mendapat penganugerahan politeknik usaha-



Zulkifli bersama hadiah yang dimenangi selepas dinobatkan sebagai politeknik usahawan terbaik.

wan terbaik bagi tahun ini.

Menurutnya, kejayaan itu adalah hasil usaha gigih semua pihak termasuk pelajar PSP sendiri.

"Kejayaan ini akan mem-

beri nilai tambah kepada pihak PSR terutama pelajar untuk terus melakar kejayaan lagi kerana seperti yang sedia maklum anugerah ini adalah yang berprestij peringkat



Warga PSP yang hadir pada Majlis Anugerah Keusahawanan Kementerian Pengajian Tinggi Mohe Entrepreneurial Award 2015.

kebangsaan.

"Jelas sekali dengan apa yang diterima ini, pelajar PSP secara amnya dilihat sudah mencapai tahap potensi standard kebangsaan dan potensi

pasaran pekerjaan peringkat antarabangsa," katanya.

Bagi melayakkan PSP untuk menerima anugerah ini, katanya, ia bukan sesuatu perkara yang mudah dan meng-

ambil masa agak lama dari segi persediaannya.

"Sejak tahun lepas lagi, PSP membentuk beberapa jawatankuasa tertentu dan menganjurkan pelbagai program yang berbentuk keusahawanan, bengkel serta kursus yang relevan.

"Masa yang ada selama dua tahun ini dioptimumkan dengan membuat persiapan rapi yang dilakukan oleh semua tenaga kerja dan pelajar PSP," katanya.

Katanya, kejayaan itu juga akan menjadikan PSP sebagai institusi pengajian tinggi teknikal yang bertaraf global dan berkualiti di persada dunia.